

***Tarikh Dibaca: 09 Disember 2016***

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“MENDAULATKAN SYARIAT”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad** (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. **SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. **Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. **Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
6. **Tuan Haji Sianid Bin Mokim** (Ahli)
7. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
8. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah** (Ahli)
9. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
10. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
11. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor
12. **Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## "MENDAULATKAN SYARIAT"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ  
فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ <sup>1</sup> ﴿١٨﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تُموتنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

<sup>1</sup> Al-Jathiyah; 18



## **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Pada hari Jumaat yang penuh dengan rahmat dan keberkatan ini saya ingin berpesan kepada diri saya dan para jamaah untuk bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sentiasa melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita akan tergolong dalam kalangan para hamba-Nya yang beroleh kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia kini serta di akhirat nanti, insyaa-Allah.

## **Hadirin Jumaat yang berbahagia,**

Sempena hari ulangtahun keputeraan ke 71 Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj ibni al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah al-Haj, Sultan Selangor pada 11 Disember 2016. Mimbar serta sekalian jamaah sentiasa mendoakan semoga Allah SWT terus memberikan taufik serta hidayah-Nya agar tuanku berada dalam keadaan sihat walafiat, seterusnya dapat memerintah negeri dalam suasana aman dan damai di bawah petunjuk Allah SWT.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan tajuk, "**DAULATKAN SYARIAT**", dengan menerangkan secara ringkas betapa pentingnya syariat Islamiah dilaksana, diamal dan ditegakkan sebagai usaha mewujudkan sebuah negeri berkeadilan yang mendapat keampunan dan keredhaan Allah SWT.

## **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Adalah menjadi istiadat pemasyhuran pertabalan seseorang raja menaiki takhta akan melafaz sumpah dengan menyebut; Wallahi, Wabillahi, Watallahi – untuk memerintah dengan seadil-adilnya. Manakala rakyat pula



akan merafak sembah dengan ungkapan "Daulat Tuanku" yang membawa maksud memohon barakah, nikmat, bahagia, kuasa dan wibawa. Maka apabila diungkapkan kata "Daulat Tuanku" membawa maksud raja yang berwibawa yang melindungi sekalian rakyatnya berdasarkan kehendak syariat Islamiyah.

Menurut Raja Ali Haji yang merupakan cucunda Raja Haji Fi Sabilillah melalui bukunya yang bertajuk, "*Thamarat al-Muhimmah*" (الثَّمَرَاتُ الْمُهَيِّمَةُ) menyebutkan:

***"Dan jika dikata raja itu dengan makna imam maka iaitu ikutan segala rakyatnya pada segala hukuman dan perintahnya yang tiada membawa kepada kufur dan maksiat. Maka imam itu di hadapan yang diikut perintahnya."***

Ini menunjukkan bahawa raja boleh diertikan sebagai sultan yang membawa makna pengganti dan penerus khilafah Islamiah yang berlandaskan al-Quran, as-Sunnah dan al-Ijma'. Seterusnya boleh pula diertikan sebagai imam yang membawa maksud kepemimpinan dan keteladanan.

Jika diteliti kenyataan oleh Raja Ali Haji, maka Raja merupakan ketua agama Islam dan tokoh pemersatu umat. Dengan kedudukan Raja tersebut ianya menuntut sekalian rakyat memberikan sepenuh ketaatan supaya wujud kestabilan pemerintahan yang akan mensejahterakan rakyat berbilang kaum, berbilang agama serta berbilang budaya agar dapat hidup dengan suasana penuh ukhuwah, sentiasa bekerjasama, tiada prasangka dan tenteram.

Di Selangor terdapat catatan yang menyatakan bahawa jawatan mufti dilantik secara rasmi buat kali pertama pada tahun 1826 Miladi. Negeri



Selangor pernah menggunakan gelaran Syeikhul Islam kepada penyandang jawatan mufti sebagai penasihat kepada Raja bagi mengukuhkan pelaksanaan syariat.

Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1948 yang dipinda dan digantikan pada tahun 1959, menurut fasal 47, telah menyatakan;

***“Agama Islam sebagaimana yang dianuti dan diamalkan dalam negeri ini sehingga kini hendaklah menjadi agama Negeri.”***

**Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,**

Dalam sejarah kesultanan negeri Selangor, Almarhum Sultan Alaeddin Suleiman Shah Ibni Almarhum Raja Muda Musa, Sultan Selangor ke5, adalah sultan yang alim lagi tinggi hemahnya, telah menulis dua buah kitab yang dijadikan sebagai buku teks di sekolah-sekolah agama ketika itu yang bertajuk;

- 1- Pohon Agama (أُصُولُ الدِّينِ) bagi Bahagian Rukun Iman
- 2- Melatih Kanak-Kanak Laki-Laki Dan Perempuan Agama Islam 1.

Sebagai bukti Baginda mementingkan pembangunan hal ehwal Islam, Baginda membina sebuah masjid yang diberi nama dengan nama baginda iaitu Masjid Alaeddin di Kuala Langat. Di masjid tersebutlah baginda selalu membaca khutbah Jumaat, khutbah Aidilfitri dan Aidiladha. Ini sebagai bukti bahawa baginda adalah seorang sultan yang berkemampuan dan berwibawa dalam menegakkan Islam.

Almarhum tuanku juga pernah menulis karangan berbentuk puisi mengenai akidah, bertajuk 'Nasihat Guru Pada Murid'. Antaranya seperti berikut;



Tuntutlah ilmu akhirat dunia,  
hidup mati mu dapat bahagia,  
Ke mana mu pergi jadi mulia,  
tidaklah hidup sia-sia.

Pergi sekolah janganlah segan,  
Ilmu agama jangan dilupakan,  
Sama dituntut sama diamalkan,  
dua-duanya sama muliakan.

Sementara itu Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al Haj Ibn Almarhum Sultan Alaeddin Sulaiman Shah telah mewakafkan Istana Jamaah untuk dijadikan tapak rasmi Kolej Islam Malaya pada tahun 1955. Baginda mengharapkan agar kolej ini dapat melahirkan para ulama' yang bertaqwa kepada Allah dan seterusnya menerangi masyarakat.

Justeru umat Islam hendaklah menyedari bahawa usaha untuk mendaulatkan syariat Islam wajib diteruskan dan berganding bahu bagi mencapai keredhaan Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Haj ayat 41;

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا  
الزَّكَاةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ <sup>ق</sup>وَلِلَّهِ  
عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

*"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi*



zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”.

Sebaliknya Allah memberi amaran sekiranya perintah-perintah-Nya tidak dilaksanakan melalui firman-Nya dalam surah al-Israk ayat 16;

وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا  
فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ فَدَمَّرْنَاهَا تَدْمِيرًا

“Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami menghancurkannya sehancur-hancurnya”.

Oleh yang demikian setelah merdeka selama hampir 60 tahun, kita hendaklah terus istiqamah mendaulatkan kembali syariat Islamiyah supaya berada di landasan dan persada kemuliaannya.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Setelah hampir 100 tahun berakhirnya khilafah Uthmaniyah di Turki, umat Islam berada dalam keadaan serba lemah disamping menghadapi pelbagai tohmahan negatif. Maka sudah sampai masanya umat Islam wajib bangkit kembali untuk mendaulatkan kembali syariat Islam sehingga berada di puncak persada kemuliaannya. Sesungguhnya kaedah bagi melaksanakannya perlu dilakukan dengan penuh hikmah dan bijaksana





supaya usaha ini dapat berjalan dengan lancar dan akhirnya mencapai tujuan yang dikehendaki oleh syariat.

### **Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**

Sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini, beberapa pengajaran boleh diambil;

1. Umat Islam wajib menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber utama dalam usaha mendaulatkan pelaksanaan syariat.
2. Umat Islam hendaklah memberikan sepenuh ketaatan kepada pemerintah atau ulil-'amri selagi segala titah dan arahan yang disampaikan tidak berlawanan dengan syariat.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa melakukan apa saja ikhtiar secara berhikmah dan bijaksana dalam mendaulatkan syariat.
4. Umat Islam hendaklah mengutamakan syariat Islam dalam setiap urusan kehidupan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ  
وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى  
اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ  
ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا





“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”.

(an-Nisa'-59).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ



سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِّ. اَللّٰهُمَّ  
اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ  
مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْرٍ، تَعَكُّوْا اَمِيْرَ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرْفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ فِيْ اَمْنٍ  
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.  
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ  
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti kemarau



panjang, banjir besar, wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS).

Ya Allah, peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bantulah umat-Mu Rohingya yang sedang diuji dengan ujian dan kezaliman yang amat hebat dan dahsyat, semoga engkau ya Allah menurunkan Izzah kepada saudara kami Rohingya dan menghancurkan rejim kuffar dengan tentera-tentera-Mu ya Allah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ  
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*

JAIS/Nurul  
21.11.2016